

22 MAY 1996

DEWAN RAKYAT LULUS USUL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat selama 29 hari mulai 26 Mac lepas, ditangguhkan malam ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian selepas usul Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) diluluskan selepas dibahaskan selama 10 hari.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar merasmikan persidangan Penggal Kedua Parlimen Yang Ke Sembilan itu pada hari pertama manakala pembentangan usul RMK-7 dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Mei.

Sepanjang tempoh persidangan, sebanyak 15 rang undang-undang diluluskan.

Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996; Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995)(No.2) 1996; Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995; Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995; Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995; Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995.

Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995; Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1995; Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995; Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996; Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996; Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996; Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 1996; Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996 dan Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 1995.

-- BERNAMA

NZ AKD